



Kapsul diabetes diiktiraf terbaik

DR Daing Nasir (tengah) melihat kapsul penawar diabetes yang dihasilkan Hui Ni (dua dari kanan).

Kuantan: Kapsul penawar diabetes daripada pokok misai kucing dihasilkan menobatkan penuntut tahun tiga Universiti Malaysia Pahang (UMP), Seah Hui Ni, 23, sebagai penerima anugerah 'Best of the Best' kategori pelajar.

Kejayaan itu diraih pada Expo Rekacipta, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (CITREX) 2016 sempena Hari Terbuka UMP di kampus Gambang, di sini, kelmarin.

Program tiga hari itu disertai lebih 300 penyelidik terdiri daripada penuntut dan pensyarah UMP pelbagai fakulti yang menghasilkan produk baru ciptaan mereka.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan Naib Canselor UMP, Prof Da-

tuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Hui Ni yang juga penuntut Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli berkata, projek bertajuk 'Phenolic-Rich Microcapsule From Orthosiphon Stamineus' dihasilkan bertujuan membantu pesakit diabetes atau kencing manis.

Katanya, bahan asas iaitu pokok misai kucing yang melalui beberapa proses menghasilkan kapsul tanpa memerlukan kos tinggi hingga membebaskan pesakit.

"Saya berpuas hati usaha dilakukan beberapa bulan membuah hasil begitu memuaskan.

"Produk dihasilkan ini akan dikomersialkan dalam masa terdekat terutama selepas saya menandatangani perjanjian dengan syarikat Cosway yang akan mema-

sarkan kapsul itu," katanya yang turut meraih pingat emas pada pertandingan itu.

Menurutnya, kajian dilakukan mendapati ramai masyarakat di negara ini menghidap kencing manis dan kapsul dihasilkan diharapkan membantu menyembuhkan mereka.

Sementara itu, Dr Daing Nasir berkata, CITREX 2016 memasuki tahun keempat penganjuran menyaksikan pengembangan skop dengan membuka penyertaan kepada sekolah menengah sebagai tambahan kategori sedia ada.

"Program ini diharap menjadi landasan terbaik kepada pelajar dan pensyarah UMP menghasilkan produk ciptaan mereka seterusnya layak bersaing di pentas antarabangsa," katanya.

HARIAN METRO (SEMEMPAT) 10/3/2016 m/s 50